



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PEKELILING BENDAHARI

Bilangan 1 Tahun 2019

PENSTRUKTURAN SEMULA JAWATANKUASA PELUPUSAN ASET ALIH UITM DAN JAWATANKUASA PELUPUSAN ASET TAK ALIH UITM

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan penstrukturan semula Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih UITM dan Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih UITM.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan yang dibuat secara Edaran Pekeliling Bli:02/2019 bertarikh 3 Januari 2019 telah meluluskan penstrukturan semula Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih UITM dan Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih UITM.
3. Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2018 telah dikeluarkan untuk memberi garis panduan berkenaan **Tatacara Pengurusan Aset Alih UITM**. Pengurusan Aset Alih UITM meliputi pengurusan penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan dan kehilangan & hapuskira.
4. Pekeliling Bendahari Bilangan 7 Tahun 2018 telah dikeluarkan untuk memberi garis panduan berkenaan **Tatacara Pengurusan Pelupusan Aset Tak Alih UITM**.
5. Walaubagaimana pun, penstrukturan semula Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih UITM dan Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih UITM perlu dibuat bagi melancarkan pengurusan pelupusan aset alih UITM dan pengurusan pelupusan aset tak alih UITM.

PENSTRUKTURAN SEMULA

6. Struktur Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih UITM (pindaan)

- 6.1 Nilai perolehan asal bagi satu barang melebihi RM 50,000.00 atau pada agregatonya melebihi RM 500,000.00 di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih UITM seperti berikut :

UITM Shah Alam

Pengerusi	Timbalan Naib Canselor
Ahli	1. Bendahari 2. Wakil Pejabat Pendaftar 3. Wakil Jabatan Infrastruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur 4. Wakil Jabatan Infostruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur 5. Wakil Pejabat Penasihat Undang-Undang 6. Pensyarah Kanan (2 orang)
Turut Hadir	Pegawai Pemeriksa Pelupusan (mengikut bidang kepakaran)
Setiausaha	Ketua Bahagian Pengurusan Harta Benda Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset Pejabat Bendahari
Urusetia	Bahagian Pengurusan Harta Benda Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset Pejabat Bendahari

UITM Cawangan

Pengerusi	Rektor
Ahli	1. Salah seorang Timbalan Rektor 2. Penolong Rektor 3. Ketua Pejabat Bendahari 4. Ketua Pejabat Pentadbiran 5. Ketua Bahagian Pengurusan Fasiliti 6. Ketua Bahagian Infostruktur 7. Wakil Penasihat Undang-Undang Cawangan (Pensyarah yang mempunyai pengetahuan undang-undang) 8. Pensyarah Kanan Fakulti (2 orang)
Turut Hadir	Pegawai Pemeriksa Pelupusan (mengikut bidang kepakaran)
Setiausaha	Ketua Unit Pengurusan Harta Benda Pejabat Bendahari
Urusetia	Unit Pengurusan Harta Benda Pejabat Bendahari

- 6.2 Nilai perolehan asal bagi satu barang tidak melebihi RM 50,000.00 atau pada agregatnya tidak melebihi RM 500,000.00 dimana kuasa melupus secara Pekeliling seperti berikut :

Bendahari	UITM Shah Alam
Timbalan Rektor	UITM Cawangan
Penolong Rektor	UITM Cawangan

7. Struktur Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih UITM (pindaan)

- 7.1 Kuasa melulus pelupusan aset tak alih UITM melebihi RM 500,000.00 adalah dibawah Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih UITM diperingkat UITM Shah Alam. Bagi UITM Shah Alam, semua pelupusan aset tak alih tanpa mengira nilai akan dibentangkan di mesyuarat peringkat UITM Shah Alam seperti berikut :

UITM Shah Alam

Pengerusi	Timbalan Naib Canselor
Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1) Bendahari 2) Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam 3) Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik 4) Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal 5) Dekan Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur 6) Ketua Bah. Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 7) Wakil Pejabat Penasihat Undang-Undang
Pembentang	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pengarah Pembangunan Infrastruktur
Turut hadir bersama	<ol style="list-style-type: none"> 2) Pengarah Hartanah, Bahagian Pengurusan Hartanah & Pelaburan 3) Jurutera Awam & Struktur sebagai wakil Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur 4) Juruukur Bahan sebagai wakil Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur
Setiausaha	Ketua Bahagian Pengurusan Harta Benda Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset Pejabat Bendahari
Urusetia	Bahagian Pengurusan Harta Benda Jabatan Pengurusan Perolehan & Aset Pejabat Bendahari

- 7.2 Kuasa melulus pelupusan aset tak alih UiTM tidak melebihi RM 500,000.00 adalah dibawah Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih UiTM diperingkat UiTM Cawangan seperti berikut :

UiTM Cawangan

Pengerusi	Rektor
Ahli	<ol style="list-style-type: none"> 1) Timbalan Rektor (salah seorang) 2) Ketua Bahagian Pengurusan Fasiliti 3) Pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknikal berkenaan/Pegawai Teknikal dari agensi luar 4) Ketua Pejabat Bendahari 5) Ketua Pejabat Pentadbiran 6) Wakil Penasihat Undang-Undang Cawangan(Pensyarah yang mempunyai pengetahuan undang-undang)
Pembentang Turut hadir bersama	<ol style="list-style-type: none"> 1) Jurutera 2) Ketua Bah. Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 3) Jurutera/Penolong Jurutera sebagai wakil Bahagian Pengurusan Fasiliti 4) Juruukur Bahan/Penolong Juruukur Bahan sebagai wakil Bahagian Pengurusan Fasiliti
Setiausaha	Ketua Unit Pengurusan Harta Benda Pejabat Bendahari
Urusetia	Unit Pengurusan Harta Benda Pejabat Bendahari


- 7.3 Surat Pekeliling ini perlu dibaca bersekali dengan Pekeliling Bendahari Bil. 3/2018 (bagi penstrukturan Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih UiTM) dan Pekeliling Bendahari Bil. 7/2018 (bagi penstrukturan Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih UiTM).

TARIKH DIKELUARKAN

8. Surat Pekeliling ini dikeluarkan pada 3 Januari 2019

TARIKH KUATKUASA

9. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 3 Januari 2019



DR HAJI MOHD ANUAR MAZUKI
Bendahari

Dikelilingkan Kepada :

*Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/Pusat/ Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor UITM Cawangan Negeri
Semua Ketua Jabatan/ Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UITM Shah Alam
Semua Ketua Pejabat Bendahari UITM Cawangan Negeri / Kampus*

*Bil. Fail : 100-BBI(PTA. 6/6/1)
No. Siri : 100-BBI(PTA/01/2019)*